

CNS9134

U GB 19-01 00163 BH314

aab

Mahathir - Bosnia (dengan gambar)

MALAYSIA TIDAK AKAN BERLEMBUT DALAM ISU BOSNIA-HERZEGOVINA

I

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak akan menyerah atau menerima begitu sahaja kegagalan dalam memperjuangkan keadilan bagi Bosnia-Herzegovina, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata apabila Malaysia membicarakan mengenai Bosnia-Herzegovina, "kita bertanggungjawab untuk membincangkan nasib sebuah negara merdeka yang kedaulatannya telah dirampas."

"Kita memperkatakan mengenai pilih kasih oleh beberapa negara kuasa besar; kita memperkatakan mengenai prinsip hak-hak kemanusiaan yang tidak mendukung keadilan, dan kita juga memperkatakan kewujudan sebuah negara yang dilanda kezaliman, ketidakadilan dan kekejaman," katanya dalam perutusan beliau yang terdapat dalam buku "Bosnia: Voices of Malaysia".

Buku setebal 123 muka surat itu, yang turut mengandungi gambar-gambar jenayah yang dilakukan ke atas rakyat Bosnia di negara yang sedang dilanda peperangan itu, akan dilancarkan oleh Dr Mahathir di Parlimen, esok.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengambil berat terhadap Bosnia-Herzegovina berdasarkan kepada beberapa faktor. -- Lagi

▼19/01/13-48MST*

CNS9140

U GB 19-01 00134 BH315

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Faktor-faktor itu termasuk mengetepikan prinsip-prinsip asas kemanusiaan, yang telah dirumus bagi memastikan keamanan di dunia dan kesucian hidup dihormati oleh semua.

"Dua faktor utama ini, yang menggarapkan perhatian kita, telah mendorong Malaysia untuk mempersoalkan peranan yang dimainkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dalam mengendalikan masalah di Bosnia-Herzegovina".

Dr Mahathir berkata berdasarkan kepada keadaan semasa dan perkembangan terbaru, Malaysia tidak boleh memilih untuk berdiam diri tetapi perlu mempersoalkan sikap, tindakan dan perlakuan, kesungguhan dan prejudis BB ketika mengendalikan isu itu.

"Lebih-lebih lagi, Malaysia tidak boleh bersikap tidak bertanggungjawab terhadap Bosnia-Herzegovina," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata faktor-faktor inilah yang membawa Malaysia mempersoalkan Bangsa-bangsa Bersatu "yang kini dilihat bermuka-muka, berpuas hati dan mengamalkan pilih kasih dalam menyelesaikan masalah Bosnia-Herzegovina."

Dalam hal ini Malaysia akan terus mempersoalkan tindakan Majlis Keselamatan PBB yang nampak tidak bersungguh-sungguh dalam mencari penyelesaian dan menyelesaikan masalah di bekas republik Yugoslavia itu.

"Juca bagi sebab yang sama Malaysia akan berusaha keras untuk mendapatkan sokongan dunia supaya Majlis Keselamatan PBB disusun semula bagi memastikan keadilan bagi seluruh dunia," kata Dr Mahathir.

"Kami juga akan cuba mendapatkan sokongan supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 diberikan penterjemahan yang sebenarnya dengan adil dan tepat selaras dengan keperluan Orde Baru Dunia," katanya lagi.

Mengenai usaha Malaysia dalam mencari keadilan bagi Bosnia, beliau berkata Malaysia akan terus berusaha meyakinkan negara-negara yang sanggup bekerjasama melalui Pergerakan Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Komanwel, Dialog Selatan-selatan dan forum-forum lain selaras dengan pendiriannya supaya isu Bosnia-Herzegovina didebat dan diperjuang sehingga mencapai kejayaan. -- Lagi

▼19/01/14-11MST

CNS9163

U GB 19-01 00124 BH319

aab

Mahathir - Bosnia 4 Kuala Lumpur

Dalam satu lagi perutusan sempena pelancaran buku itu, Dr Mahathir berkata Malaysia mengutuk bukan sahaja orang Serb yang melakukan kezaliman dengan begitu bebas malahan mereka yang tidak peka terhadap pahit maung rakyat Bosnia.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab moral masyarakat dunia untuk menyelamatkan Bosnia-Herzegovina, sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

"Malaysia, dengan negara-negara bersikap adil yang lain, hendaklah terus mencari keadilan bagi rakyat Bosnia-Herzegovina.

"Rakyat Bosnia teramat memerlukan pertolongan. Mereka telah lama menantikan keamanan tetapi hak asasi mereka terus digugat dengan ganasnya oleh kaum Serb," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Ketika kuasa-kuasa Barat membolak-balik, mereka yang agresif pula melakukan lebih banyak lagi perlakuan yang tidak bertamadun". -- Lagi

▼19/01/14-33MST

CNS9191

U GB 19-01 00255 BH322

aab

Mahathir - Bosnia 5 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan fahaman patut dipuji di atas perhatian mereka kepada "segolongan manusia yang terpaksa melalui apa yang tidak patut dilalui oleh lelaki, wanita atau kanak-kanak" (di Bosnia).

Beliau berkata pelancaran buku mengenai Bosnia-Herzegovina yang kutipan hasilnya akan disalurkan kepada rakyat Bosnia, mungkin merupakan satu simpati yang tidak seberapa, tetapi "ia mencerminkan perhatian yang besar jika dibandingkan dengan apa yang ditunjukkan oleh kuasa-kuasa besar yang membenarkan orang Serb meneruskan kekejaman di Bosnia-Herzegovina".

Buku itu dan naskhah dalam Bahasa Melayu setebal 160 muka surat yang berjudul "Bosnia: Suara Keprihatinan Malaysia", disusun oleh anggota Parlimen Parit Sulong Encik Ruhanie Haji Ahmad bagi pihak Parliamen.

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamad Zahir Haji Ismail, pada persidangan akhbar di sini hari ini berkata, kedua-dua buku itu mengandungi tiga ucapan penting Dr Mahathir mengenai Bosnia-Herzegovina dan usul mengenai bekas Republik Yugoslavia yang diterima oleh Parlimen pada 28 Okt tahun lepas.

Sebanyak 25,000 naskhah, berharga RM50 setiap satu, telah dicetak untuk dijual di seluruh negara, kata Zahir.

Zahir berkata hasil daripada jualan buku itu akan disalurkan kepada "Tabung Bantuan Bosnia, Yayasan Kebajikan Negara" di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Beliau berkata Perdana Menteri juga akan melancarkan serentak sebuah lagi buku mengenai Bosnia-Herzegovina, "Bosnia: Testament To War Crime As Told By Survivors" esok. Penulis buku itu ialah Dr Alijah Gordon, seorang aktivis sosial dari Institut Penyelidikan Kemasyarakatan Malaysia. --

Bername

ES CR SIA

▼19/01/15-06MST